


MUHASABAH DIRI KUNCI KETENANGAN HATI

Oleh: Abdul Hadi bin Mustafa, 1172401,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Hidup ini tidak akan lari daripada kekurangan dan kesilapan yang pernah seorang mukmin lakukan dari segi perbuatan dan kata-kata.

Oleh itu, seorang mukmin harus sentiasa memperbetulkan akhlak supaya dapat memperbaiki kecelaan diri dan menjadi manusia yang lebih baik.

Imam al-Ghazali berkata, “Barang siapa yang sering bermuhasabah pada dirinya, nescaya dia akan temui keringanan pada hari akhirat kelak.”

Muhasabah umpama ubat yang pahit, tidak enak namun ia adalah penawar yang merawat 1,001 penyakit.

Sungguhpun menilai diri bukan sesuatu yang menyeronokkan, tetapi orang yang sering bermuhasabah akan dapat membersihkan diri daripada kejahilan, dosa dan noda.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tidaklah dirugikan seseorang barang sedikit pun. Dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawi pun pasti kami mendatangkan (pahalanya). Dan cukuplah Kami sebagai Pembuat perhitungan.” (Surah al-Anbiya, ayat 47).

Setiap perbuatan di dunia akan dihitung dan dihisab walaupun sekecil-kecil atau sebesar-besar amalan.

Perbuatan baik akan mendapat ganjaran baik, manakala perbuatan jahat akan menerima balasan buruk.

Dengan nikmat yang dikurniakan Allah SWT, seorang mukmin perlu bersyukur dengan apa sahaja rezeki yang diperoleh atas kehendak dan kurniaan-Nya.

Bersyukur akan menjadikan seseorang itu berasa lebih tawaduk, tenang dan mentaati segala perintah-Nya.

Walaupun diri serba kekurangan, seorang mukmin yang selalu bersyukur akan berasa dirinya serba cukup untuk meneruskan kehidupan dan Allah SWT akan mengurniakan nikmat yang lebih besar.

Sesungguhnya, segala yang dimiliki manusia tidak bererti jika tidak disertakan dengan rasa syukur dan yakin ia adalah pinjaman daripada Allah SWT.

Sehubungan itu, seseorang mukmin perlu sedar dalam setiap nikmat yang dikecapi, ada rezeki orang lain yang tersembunyi.

Ini kerana ada ketikanya Allah SWT mengurniakan rezeki seseorang melalui mukmin yang lain supaya mereka saling memberi dan mengingatkan sesama manusia.

Apabila berbicara mengenai keberkatan dalam soal mencari rezeki, kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat yang akan menghitamkan hati, menutup pandangan mata dan mengikis semua kebaikan walaupun kita beroleh nikmat di dunia ini.

Kita tidak akan mendapat keredaan Allah SWT dan keberkatan hidup jika wang dan harta diperoleh melalui jalan kemaksiatan.

Orang yang sentiasa dalam kemaksiatan sungguhpun hidup penuh dengan keseronokan dan kekayaan, ia hanya satu tipu daya yang menyesatkan dan nikmat yang membinasakan.

Oleh itu, dalam mencari rezeki, kita hendaklah sentiasa memeriksa kesilapan yang dilakukan supaya seseorang itu tidak tergolong dalam kalangan mereka yang mendapat istidraj.

Muhasabah adalah jalan terbaik manusia mengenang dan memperbaiki kesalahan dan kesilapan diri.

Setiap mukmin harus memahami ajaran Islam dengan sebaiknya dan istiqamah agar terus berada di atas landasan syarak.

Peganglah tiga paksi yang diajar oleh agama kita iaitu menjadi khalifah yang mentaati perintah Allah SWT, mengamalkan Islam sebagai cara hidup dan menjadikan akhlak sebaik-baik pakaian yang menentukan corak tindakan diri.